

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat beberapa aspek pengurusan kewangan sekolah terutamanya di SJK(T) dan SJK (C) di daerah Gombak. Aspek kajian ini termasuklah mengenai apakah sumber-sumber utama kewangan bagi SJK (T) dan SJK (C) iaitu dari sumber kerajaan dan sumber-sumber lain, bagaimanakah sumber kewangan tadi dibelanjakan, masalah-masalah yang dihadapi oleh gurubesar sekolah-sekolah tersebut dan cadangan-cadangan bagi menambahkan sumber kewangan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa sumber kewangan bagi kedua-dua sekolah tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Walaubagai mana pun, perbezaan dapat dilihat dari segi jumlah peruntukan yang diterima, bukan sahaja dari sumber kerajaan, malah juga dari sumber-sumber lain yang dimasukkan ke dalam akaun Wang SUWA. Perbezaan ini adalah disebabkan saiz kedua-dua sekolah yang amat berbeza. Oleh kerana SJK (T) ini adalah lebih kecil dari segi bilangan pelajarinya, maka secara automatik ia menerima peruntukan yang sangat sedikit. Ini berbanding dengan SJK (C) yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai dan menerima jumlah peruntukan yang jauh lebih besar sesuai dengan bilangan pelajarinya. Selain daripada itu SJK (C) juga turut mempunyai sumber pendapatan dari sewa kantin yang jauh lebih besar dari SJK (T). Sekali lagi ini dapat dikaitkan dengan saiz sekolah tersebut yang besar. Didapati juga peruntukan dari kerajaan dan pendapatan Wang SUWA ini juga tidak mencukupi untuk perbelanjaan sekolah. Selain daripada itu kedua-dua buah sekolah didapati menguruskan kewangan sekolah dengan mengamalkan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam urusan terimaan dan pungutan.

SCHOOL FINANCIAL MANAGEMENT- A CASE STUDY AT SRJK (T) AND SRJK (C) IN RAWANG (GOMBAK DISTRICT, SELANGOR)

ABSTRACT

The purpose of this research is to see certain aspects in the management of a schools' finances specially in SRJK (T) and SRJK (C) in Gombak District. The aspects of this research include what are the main sources of income for SRJK (T) and SRJK(C), whether from government sources or other sources, how this money is spent, what are the problems faced by principals of these schools and proposals to enhance the sources of income. Research findings show that monetary sources for these two schools do not show a vast difference. Nevertheless, a difference can be noted in the total allocation received, not only from government sources but also from other sources credited into the Wang SUWA akaun. This difference is seen because the size of these two schools are extremely different. Noting that SRJK (T) is much smaller in terms of student population it automatically a much smaller allocation. In comparison, SRJK (C) has a large student population and receives a larger allocation in tandem with the number of students. Furthermore, SRJK (C) also gets monetary income from the rental of canteens which are much bigger than SRJK (T). Once again this can be linked to the size of school which is much bigger. Research also shows the allocation from the government and income from Wang SUWA is not enough for school expenditures. Other than that, both schools manage the school fund in accordance with procedure set by the ministry of education and the state education department in dealing with receivables and collection.